

ARUS GERAKAN ISLAM DI KALANGAN WANITA
DAN HUBUNGANNYA DENGAN ADAT PERPATIH.
KAJIAN DI DAERAH JEMPOL,
NEGERI SEMBILAN

UM 15360/20360

ROHANI BINTI HAJI DAHARUN

LATIHAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 1992

PENGARUH ADAT PERPATIH DI DALAM GERAKAN ISLAM

3.1 Kesan dan Corak Kehidupan

Sekarang ini Adat Perpatih kurang diamalkan dan hanya melibatkan perkara tertentu seperti pemilihan undang, buapak, ketetapan suku dan beberapa hal yang berkaitan dengan adat istiadat perkahvinan. Tidak mustahil jika suatu hari nanti ia menjadi "bahan peninggalan sejarah". Walau apapun tanggapan dan pandangan yang dikemukakan tidak dinafikan adat ini juga mengandung nilai-nilai yang baik di dalam membentuk masyarakat yang harmonis.

Masyarakat yang tidak melibatkan diri dengan gerakan Islam seperti PAS dan ABIM sebenarnya bukanlah dibelenggu oleh pengaruh adat tersebut. Mengenai soal kefahaman terhadap Islam pula, masalah adat tidak timbul. Walaupun terdapat orang perseorangan khususnya yang menjadi pemimpin adat mempunyai sikap menyanjung adat tersebut secara keterlaluan namun masyarakat sekarang agak sudah berubah pemikiran mereka dan boleh diajak berbincang mencari penyelesaian jika berlaku perselisihan pemikiran.

Apa yang jelas, masyarakat lebih banyak dibentuk cara berfikir dan bertindak mengikut tradisi dan gerak kerja politik UMNO kerana dari awal sejarah Negeri Sembilan, Barisan Nasional merupakan parti politik yang paling kuat dan dominan di kaca mata masyarakat.

Gerakan Islam di daerah ini baru memulakan tapak dan mungkin ramai yang tidak mengetahui kewujudan gerakan Islam khususnya PAS. Masyarakat lebih mudah menerima ABIM kerana dikatakan lebih bersifat lembut dan bercorak pendidikan. Penyusunan strategi yang baik memerlukan tenaga kerja yang berkualiti dan ia memerlukan masa yang lama untuk gerakan Islam mendapat sokongan masyarakat.

Dari segi minat kaum wanita di daerah ini untuk melibatkan diri bersama gerakan Islam memang menjadi satu masalah besar kepada penggerak jamaah. Sasaran orang yang ingin didakwahkan ialah mereka yang memahami Islam dalam bentuk tradisi tetapi soal-soal perjuangan menegakkan Islam dalam kaedah bernegara, mereka lebih meyakini Barisan Nasional mampu melakukannya.

Apa yang ingin dibawa oleh PAS sendiri di dalam melakukan perubahan adalah terlalu minima. Penerangan serta maklumat yang diketengahkan hanya dalam skop yang terbatas dan perlahan-lahan. Salah faham yang timbul di antara memahami Islam yang dibawa oleh PAS dan UMNO

menang tidak dinafikan. Soal parti agak sensitif untuk diperkatakan khususnya yang mendukung perjuangan Islam kerana dalam hal ini wanita UMNO lebih menonjol pengaruh mereka. Manakala di kalangan gerakan Islam pula lebih suka merahsiakan sokongan mereka dalam masalah kepartian.

Pemahaman sebahagian besar kaum wanita yang dibentuk atas dasar "menyerima" sukar untuk diberi penjelasan apa yang berlaku di dalam suasana negara yang terdedah kepada penyelewengan, penindasan dan sebagainya. Penulis merumuskan mengapa kaum wanita kurang peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku dan tidak mampu untuk memberikan jalan penyelesaiannya. Antaranya ialah:

1) Faktor Pekerjaan

Memandangkan kaum wanita yang telah berkahwin, ramai yang menjadi suri rumah sepenuh masa maka peluang untuk mereka membincangkan soal-soal negara kurang diberi perhatian. Walaupun mereka membaca surat khabar cuma atas nama membaca sahaja tanpa ada sebarang kritikan atau pandangan yang diberi.

2) Faktor Pendidikan.

Pendidikan yang diterima hanya bersifat "melepaskan batuk di tangga". Maksudnya tahap pendidikan di kalangan kaum wanita di daerah ini secara kasarnya setakat sekolah menengah sahaja. Pemikiran mereka untuk membincangkan masalah semasa agak terbatas dan tidak sampai ke tahap yang lebih tinggi. Walaupun tidak dinafikan ada yang berpendidikan tinggi, mempunyai fikiran yang berwawasan tetapi penulis merasakan mentaliti kaum wanita khususnya yang tidak bekerja kurang mengambil peranan dari segi membincangkan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan masalah negara hatta perkembangan dunia dianggap perkara biasa sahaja.

3) Faktor Minat

Jika seseorang itu cenderung terhadap sesuatu perkara, maka dia akan berusaha mendapatkannya. Begitu juga minat kaum wanita di daerah ini terhadap perkara-perkara yang membuka pemikiran, mencetuskan perasaan bertanggungjawab, tidak tertanam di jiwa mereka. Permasalahan yang timbul tidak mendapat perhatian terutamanya perkara yang berkaitan dengan isu politik, apa yang dilakukan oleh pemimpin mereka dan soal eksploitasi wanita. Mereka boleh berlipat ganda secara "bersenbang-senbang" dengan jiran tetangga tetapi masih belum mampu

melakukan perubahan agar bersama-sama menangani masalah di bawah gabungan gerakan Islam.

Amat jelas bahawa UMNO (Barisan Nasional) adalah parti nasionalis, yang mampu menjadikan Islam mengikut acuan mereka tetapi tidak mahu menjadikannya sebagai dasar perjuangan. Untuk menyatakan ahli-ahli UMNO tidak bersetuju kepada Islam adalah satu kenyataan yang keterlaluan, tetapi untuk menyatakan dasar UMNO itu Islam adalah juga kedhaifan dari segi pengertian.¹ Sevajarnya kaum wanita di daerah ini memikirkan peranan mereka untuk membangunkan Islam bersama jamaah Islam yang jelas perjuangannya.

3.2 Faktor Kelenyapan Gerakan Islam

Mengikut kajian penulis, gerakan Islam di Daerah Jempol bukan tidak wujud tetapi agak lembab dan tertinggal jauh jika dibandingkan dengan beberapa tempat seperti di Kelantan dan Terengganu. Tidak dinafikan, di mana sahaja masalah kelenyapan ini sering dipersoalkan dan boleh dikatakan semua negeri di Malaysia ini menghadapi masalah yang sama. Walau bagaimanapun potensi untuk Islam naik adalah cerah sekiranya gerak kerja dan

¹
A.K. Hidayat, PAS 1951-1991 Tercabar dan Menca-
bar, (Kuala Lumpur: GG Edar, 1986). cetakan pertama,
hlm. 54-55.

penyusunan organisasi ditadbir dengan baik serta masalah-masalah sampingan dapat diatasi sepenuhnya.

Masyarakat tidak berminat atau kurang cenderung di dalam melibatkan diri bersama gerakan Islam adalah berpunca dari berbagai aspek yang perlu diambil perhatian berat oleh pendokong harakah Islamiah. Antara beberapa faktor kelembaban gerakan Islam khususnya di daerah ini ialah:

1) Terdapat kekurangan tenaga penggerak untuk menyusun organisasi khususnya di dalam menjalankan program. Harakah perlukan tenaga pemikir, perancang dan petugas bagi menjayakan sesuatu rancangan yang melibatkan harakah dan masyarakat. Tidak ramai yang memainkan peranan seterusnya melibatkan diri. Di kalangan muslimat pula masih ramai yang belum menahami hakikat perjuangan khususnya dari sudut kepimpinan. Proses tarbiah perlu berterusan bukan sahaja untuk ahli tetapi untuk masyarakat umumnya. Apabila kekurangan tenaga sudah tentu membantutkan gerak kerja dan perancangan.

2) Kekurangan di sudut material juga merupakan punca kelembaban harakah. Suasana kehidupan yang memerlukan wang sebagai persoalan pokok sudah semestinya pengisian sumber ini amat dititikberatkan. Apa sahaja yang berkaitan soal gerakan dari perkara yang kecil hingga yang besar, kewangan merupakan salah satu punca

yang boleh menyelesaikan masalah. Kelemahan dari sudut inilah yang menjadikan harakah tidak dapat bergerak. Jika dibandingkan dengan pertubuhan lain yang mendapat sumbangan dari berbagai badan maka sesuatu program akan berjalan lancar. Kedhaifan gerakan Islam yang tidak mampu menyediakan kelengkapan dari segi material menyebabkan sokongan terhadapnya berkurangan. Tambahan pula tidak ada markaz atau tempat yang sesuai untuk menjalankan urusan pentadbiran, program dan sebagainya, maka ini juga menyukarkan kerja-kerja jamaah.

3) Ikatan yang padu dan gabungjalin antara jamaah-jamaah yang ada tidak menunjukkan satu kesatuan yang berdasarkan atas nama gerakan Islam. Masing-masing dengan program tersendiri yang disusun oleh jamaah. Sekiranya wujud kesatuan yang boleh menyelesaikan masalah setempat antara harakah yang terlibat sudah pasti Islam dapat disebarkan. Sevajarnya tindakan yang baik dijalankan bersama, lantaran menyedari kelemahan yang wujud sekarang.

4) Untuk Islam naik atas nama harakah Islamiah sudah pasti mendapat banyak tentangan dan halangan. Dalam konteks ini, parti kerajaan berusaha menghalang apa sahaja program yang melibatkan parti pembangkang khususnya PAS dalam menjalankan program seperti usrah, ceramah dan sebagainya. Peranan imam masjid turut mempengaruhi penduduk agar tidak terlibat dengan pihak

yang menentang kerajaan. Apabila iman yang diletakkan kepercayaan oleh masyarakat mengeluarkan apa sahaja kenyataan, maka dengan mudah sahaja mereka menerima, khususnya kaum ibu yang sebatiji dengan mereka dengan kuliah-kuliah agama oleh imam-imam masjid.

Maka ini sudah pasti menjadi masalah kepada harakah untuk mencari penyokong bagi menjayakan program yang disusun. Masyarakat di daerah ini berminat dengan aktiviti agama tetapi sokongan hanya akan diberikan apabila program tersebut atas persetujuan dari pihak kerajaan dan pihak lain yang cuba menyerap masuk tidak akan diberi layanan.

5) Kelemahan harakah Islamiah dari berbagai sudut perlu diakui. Penyediaan alternatif yang terbaik tidak dapat diadakan dan diberikan kepada masyarakat. Jika sudut tarbiah berjalan kemas, ekonomi teguh, akhlak yang baik dapat ditonjolkan oleh pendokong harakah dan dalam erti kata bahawa contoh terbaik (*قدوة حسنة*) dapat ditonjolkan, maka tidak ada sebab mengapa masyarakat boleh menolak harakah Islamiah. Apa yang menjadi realiti, kelemahan sesuatu jamaah menjadi kayu ukur kepada masyarakat untuk mereka membuat pemilihan.

Di samping itu wujud juga masalah dalaman ke atas sesuatu harakah, masalah kepimpinan, sikap dan tanggungjawab orang yang diamanahkan tidak berfungsi

sepenuhnya. Krisis dalaman turut berlaku atas sebab masalah kepercayaan, penyakit hati dan ketidakikhlasan di dalam perjuangan.

Ustaz Fathi Yakan di dalam bukunya yang berjudul "Golongan Yang Tercicir di Sepanjang Jalan Dakwah" menggariskan beberapa faktor keciciran seseorang itu di¹ medan dakwah .

Pertama: Sebab-sebab yang berhubung dengan gerakan.

- 1) Kelemahan sudut tarbiah.
- 2) Tidak meletakkan seseorang di tempat yang sesuai.
- 3) Tidak membahagi-bahagikan kerja kepada anggota.
- 4) Tidak mengambil berat hal ahli.
- 5) Tidak menyelesaikan persoalan dengan segera.
- 6) Pertikaian dalaman.
- 7) Pemimpin tidak layak.

¹
Fathi Yakan, Golongan Yang Tercicir di Sepanjang Jalan Dakwah, terj. Md. Akhir Hj. Yaacob (Kuala Lumpur: Devan Fajar, cetakan II, 1988), hlm. 64.

Kedua: Sebab yang berkaitan dengan anggota individu.

- 1) Tabl'i yang tidak tetap.
- 2) Takut berlaku sesuatu ke atas diri dan pendapatan.
- 3) Melampau.
- 4) Bermudah-mudahan dan longgar.
- 5) Tertipu dengan kedudukan dan bersikap menonjol diri.
- 6) Cemburukan orang lain.
- 7) Fitnah senjata.

Ketiga: Sebab-sebab luar yang menekan.

- 1) Tekanan ujian.
- 2) Tekanan keluarga.
- 3) Tekanan persekitaran.
- 4) Tekanan gerakan-gerakan bahaya.
- 5) Tekanan bermuka-muka.

Masih banyak faktor-faktor sampingan yang mempengaruhi perjalanan gerakan Islam di daerah ini. Kekuatan yang dibina berdasarkan kemantapan iman, kefahaman dan usaha yang gigih akan menjamin kelancaran pergerakan jamaah khususnya untuk mesej dakwah kepada masyarakat.

3.3 Analisis Kajilidik

Sejumlah 50 keping set soalselidik telah diedarkan kepada wanita yang tinggal di Daerah Jempol. Dua kawasan utama yang menjadi tumpuan kajian ialah Kampung Kuala Jempol dan Felda Serting. Daripada jumlah tersebut, hanya 45 keping atau 90% borang telah dikembalikan manakala 5 keping lagi atau 10% tidak dikembalikan.

Daripada jumlah responden tersebut, lingkungan umur adalah di antara 17 tahun hingga ke 58 tahun. Umur di sekitar 30-an dan awal 40-an merupakan responden yang ramai terlibat dengan kajilidik ini. Hasil dari penilaian umur ini juga menunjukkan bahawa kaum wanita yang ramai menceburkan diri dengan aktiviti organisasi adalah di sekitar umur 30 tahun hingga 40 tahun. Jadual satu menunjukkan bilangan responden mengikut peringkat umur mereka.

Jadual 1 - Jumlah responden mengikut peringkat umur.

Peringkat Umur	Bil.	%
Belasan tahun	2	4.4
20 - an	4	8.8
30 - an	22	48.8
40 - an	14	31.1
50 - an	3	6.6
Jumlah	45	100.0

Faktor pekerjaan juga merupakan salah satu sebab yang mendorong seseorang itu untuk bergiat dengan sesebuah organisasi atau sebaliknya. Ada yang merasakan halangan tugas menjadikan mereka tidak berpeluang memperuntukkan masa dengan aktiviti di luar rumah. Namun begitu ada juga berpendapat dengan bekerja, pemikiran mereka akan terdedah dengan persoalan semasa yang menjadikan mereka cenderung untuk melibatkan diri secara berpersatuan.

Terdapat juga surirumah sepenuh masa langsung tidak memikirkan dunia luar lantaran kesibukan menguruskan rumah tangga serta minat untuk aktif di luar rumah tidak mendapat dorongan dan pengetahuan tentang faedah berpersatuan. Jadual 2 menunjukkan bilangan antara mereka yang bekerja dan tidak bekerja.

Jadual 2 : Bilangan responden yang bekerja dan tidak bekerja.

	Bil	%
Bekerja	16	35.5
Surirumah	29	64.4
Jumlah	45	100.0

Faktor pendidikan juga, mempunyai hubungan dengan kecenderungan seseorang individu itu untuk melibatkan diri dengan organisasi atau mendiamkan diri sahaja.

Dari analisis yang dibuat, kebanyakan kaum wanita di daerah ini hanya menghabiskan tempoh persekolahan di peringkat sekolah menengah sahaja. Jadi, pendedahan terhadap ilmu secara formal mungkin tidak didapati sepenuhnya kerana selepas menamatkan persekolahan, mereka akan berumah tangga seterusnya soal-soal berorganisasi tidak diambil perhatian.

Kesedaran tentang perlunya melibatkan diri dengan persatuan atau jamaah Islam diperolehi secara tidak langsung melalui jiran, ceramah agama, media massa dan dari keluarga terdekat yang belajar di institusi pengajian tinggi. Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan yang dicapai oleh responden melalui kajiilidik ini.

Jadual 3 : Tahap pendidikan yang diperolehi oleh responden.

Tahap pendidikan	Bil	%
Tidak bersekolah	6	13.3
Sekolah rendah	13	28.8
Sekolah menengah	25	55.5
Maktab	1	2.2
Universiti	-	-
Jumlah	45	100.0

3.3.1 Pandangan responden terhadap Adat Perpatih.


Antara pandangan yang dikemukakan oleh responden terhadap Adat Perpatih ada yang menyatakan adat tersebut sekarang ini tidak dilaksanakan lagi secara sepenuhnya. Generasi hari ini sudah tidak terikat lagi dengan sistem yang ada di dalam adat tersebut seperti adat istiadat perkahvinan tidak lagi menggunakan buapak sebagai ketua majlis. Sesetengah tempat sahaja yang masih melaksanakan amalan ini.

Menyentuh mengenai suku di dalam Adat Perpatih ada di antara responden yang tidak mengetahui asal suku mereka. Walaupun sekarang ini seseorang itu mengetahui dari jenis suku apa yang mereka varisi tidak dipentingkan, sekurang-kurangnya pengetahuan ini perlu sebagai satu ilmu sampingan. Jika nama suku kaum sendiri pun sudah tidak diketahui apatah lagi untuk mengetahui Adat Perpatih itu secara keseluruhannya.

¹ "suku" adalah golongan keluarga yang seketurunan daripada sebelah ibu. Lihat Kamus Dewan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), Cetakan Pertama (Edisi Baru), 1989, hlm. 1235.

² Temubual dengan Puan Hamidah bt. Joned pada 13hb. Januari 1992.

Carta 1 - Pengetahuan terhadap suku
(adat Perpatih).
Soalan 8 dan 20



Secara keseluruhannya, responden dan masyarakat di daerah ini atau di Negeri Sembilan umumnya, tidak didedahkan sepenuhnya apa sebenarnya sistem Adat Perpatih itu. Gambaran negatif terhadap pengamalan adat ini seharusnya diperjelaskan oleh mereka yang berpengetahuan agar tidak timbul kekeliruan khususnya menyentuh tentang percanggahannya dengan hukum Islam. Tidak semua unsur yang ada di dalam adat ini negatif belaka. Adalah amat baik sekiranya adat yang dikatakan "tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas" ini dikaji dan dianalisis sepenuhnya dan mana yang baik serta tidak bertentangan dengan Islam boleh diamalkan sebagai satu sistem hidup¹.

Penulis merasakan maju atau mundurnya sesuatu kaum itu bukan terletak kepada pegangannya terhadap sesuatu adat tetapi adalah disebabkan sikap yang ada

¹

Temubual dengan Puan Fatimah bt. Jali, Ketua Dewan Muslimat Negeri Sembilan pada 4hb. Disember, 1991.

pada seseorang dan penghayatannya terhadap tuntutan agama itu sendiri.

3.3.2 Penglibatan Dengan Organisasi

Kehidupan dan kerjaya muslimah di dalam jamaah bukan setakat keupayaan maksima menjadi ahli sahaja. Walaupun langkah ini perlu disyukuri untuk peringkat permulaan tetapi sumbangan yang terbesar dari muslimah sebagai tenaga penggerak jamaah amat diperlukan. Pengetahuan dan pengalaman yang digabungjalinkan bersama adalah memperlihatkan vatak wanita solehah yang matang yang akhirnya mampu menjadi penasihat, penyelia, pengawas, rujukan, sandaran idea dan menjadi gedung ilham serta sumber inspirasi kepada suami.

Namun begitu untuk mencapai tingkat kesempurnaan tersebut, muslimat yang berjuang atas landasan harakah Islamiah perlu menempuh dan mengatasi halangan-halangan yang menggagalkan kerja-kerja jamaah. Antara halangan tersebut ialah halangan dari ibu bapa, suami, pekerjaan, diri sendiri (masa), persekitaran, kawan-kawan dan dasar pemerintah. Sementara unsur-unsur halangan kebatinan dan kebendaan seperti hawa nafsu, syaitan, manusia sendiri, harta keduniaan dan kejahilan perlu diatasi bersama pendidikan agama yang diterima.

Apabila sikap seumpama ini wujud di dalam diri kaum wanita yang ingin dilahirkan di daerah ini maka tidak mustahil Islam akan terus subur menjadi amalan masyarakat. Rasa minat berorganisasi adalah satu fitrah yang perlu dipupuk agar ia selari dengan tuntutan Islam itu sendiri. Dari analisis yang dibuat kecenderungan kaum wanita di daerah ini terhadap organisasi yang melibatkan diri mereka adalah seperti dalam jadual 4.


Kecenderungan berorganisasi	Bil	%
UMNO	33	73.0
PAS	7	15.5
ABIM	1	2.2
Al-Arqam	3	6.6
Bebas (Tidak menjawab soalan)	2	4.4
Jumlah	45	100.0

Jadual 4: Minat responden terhadap organisasi

Walaupun jawapan responden menunjukkan minat mereka terhadap sesebuah organisasi itu tetapi tidak kesemua mereka menceburkan diri secara langsung. Mereka keseluruhannya bukan menjadi tenaga penggerak cuma sekadar menyatakan sokongan terhadap organisasi tersebut. Walau bagaimanapun tidak dinafikan sebahagiannya adalah "orang kuat" yang menjadi tenaga utama jamaah atau sesebuah persatuan.

Dari jadual 4 tersebut, jelas memperlihatkan bahawa parti UMNO adalah menjadi pilihan penduduk di daerah ini manakala gerakan atau jamaah Islam seperti PAS, ABIM dan al-Arqam mempunyai pengaruh tetapi tidaklah begitu menonjol. Dimensi perjuangan gerakan Islam di daerah ini perlu diperluaskan lagi agar penghayatan Islam benar-benar dapat dirasakan.

Carta 2 menunjukkan penglibatan kaum wanita di dalam gerak kerja berpersatuan bukan sekadar memberikan sokongan tetapi sumbangan dari segi tenaga dan buah fikiran, namun begitu terdapat juga di kalangan mereka yang tidak melibatkan diri secara langsung.



Carta 2 : Penglibatan bersama organisasi.

Apabila sesebuah organisasi atau gerakan Islam itu dilandaskan atas nama parti politik maka mereka yang menyokong sesebuah pertubuhan itu secara tidak langsung turut terlibat dengan politik negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi -

berperliman mengadakan pilihanraya umum dan bukan sekali. Pendudukan yang begitu lama di kalangan masyarakat terhadap sistem politik di Malaysia maka tidaklah menjadi suatu masalah untuk rakyat mengetahui secara umum tentang pergerakan parti-parti politik di Malaysia.

Gerakan Islam sewajarnya tidak mengambil mudah masalah pemerintahan negara. Dalam hal ini, PAS adalah satu-satunya gerakan Islam yang bersifat parti politik yang terlibat secara langsung di dalam pilihanraya. Gerakan Islam yang lain seperti ABIM, JIM, al-Arqam dan Tabligh menyampaikan mesej Islam dalam bentuk dakwah. Walau bagaimanapun penglibatan individu dalam organisasi yang tidak menjadikan politik sebagai saluran, mempunyai sumbangan tertentu khususnya dalam gerak kerja pilihanraya.

Walaupun masyarakat di daerah ini terlibat di dalam pengundian semasa pilihanraya tetapi dari segi pandangan dan fahaman mereka terhadap apa itu politik agak berbeza. Ada yang berminat terhadap politik kerana berpendapat dengan mengetahui perkembangan politik negara akan memperolehi maklumat tentang isu yang berkaitan dengan negara. Menceburkan diri dalam parti politik khususnya di pihak kerajaan akan mendapat kemukakan seperti jawatan, pangkat dan kedudukan. Apa yang jelas, melalui kajilidik ini masih wujud masyarakat yang tidak berminat terhadap politik kerana menganggap

politik itu kotor dan masyarakat umum perlu mengikut orang yang mempunyai kelayakan di bidang politik.

Terdapat beberapa faktor yang menjadikan seseorang itu berminat dengan politik. Antaranya :

1) Memandangkan kerajaan sekarang tidak mengamalkan sistem pemerintahan secara Islam sepenuhnya, maka rakyat mencari alternatif kepada suasana keislaman yang didokong oleh gerakan Islam.

2) Menyertai parti politik atau penyokong kuat kepada parti tersebut (khususnya parti kerajaan) akan mendapat beberapa kemudahan dan kedudukan.


3) Mengetahui suasana politik akan menambankan maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu perkara.

Namun begitu terdapat juga salah faham terhadap penerimaan politik oleh rakyat. Antara faktor yang mendorong masyarakat khususnya kaum wanita tidak berminat dengan politik ialah :

1) Politik di anggap kotor dan memikirkannya adalah perkara yang remeh-temeh.

2) Penumpuan terhadap tugas dan rumahtangga membuatkan sebahagian kaum wanita tidak ada masa untuk turut memikirkan politik negara.

3) Pengetahuan yang cetek terhadap isu semasa dan pergolakan yang berlaku di sana sini menyebabkan tiada maklumat yang diterima, maka kehidupan wanita berlegar di sekitar masalah harian mereka sahaja.



Carta 3 : Pandangan terhadap politik negara.

3.3.3 Kesimpulan

Hasil dari kajiilidik yang dijalankan bolehlah dirumuskan beberapa perkara penting yang perlu di ambil perhatian dari pihak yang berusaha untuk menggerakkan jamaah agar segala kekurangan dan kelemahan dapat diperbaiki.

Penikiran kaum wanita di daerah ini perlu dibentuk dengan kesedaran agama Islam yang lebih lembut di mana sentimen politik tidak disuburkan dalam suasana yang drastik. Maklumat berorganisasi yang telah sedia ada di dalam pengetahuan mereka cuma memerlukan bimbingan yang lebih bersistematik khususnya dari mereka yang berpendidikan tinggi.

Walaupun sebilangan besar kaum wanita di sini lebih ramai menjadi penyokong parti kerajaan atas dasar mengikut orang lain tanpa maklumat yang jelas berdasarkan kesedaran Islam namun untuk membentuk peribadi yang mulia di kalangan mereka berpandukan nilai-nilai agama masih boleh dipertingkatkan.

Penyebaran maklumat dan berita semasa mendedahkan pengetahuan kepada mereka. Di samping itu, walaupun pengaruh Adat Perpatih tidak berfungsi sepenuhnya namun cara hidup masyarakat yang dibentuk berdasarkan adat tetap berjalan. Kesedaran terhadap tanggungjawab kepada negara disumbangkan melalui pemilihan mereka kepada pimpinan semasa pilihanraya dijalankan.

Keseluruhan masyarakat mengakui bahawa Adat Perpatih tidak menghalang wanita bergiat cergas di dalam mengamalkan Islam. Era kebangkitan Islam kini telah membawa beberapa perubahan di kalangan wanita disebabkan oleh pendidikan agama, adanya usaha dari kerajaan,

perubahan suasana politik negara dan peranan yang dimainkan oleh gerakan Islam di dalam memberi kesedaran kepada masyarakat.

3.4 Pandangan Dan Cadangan

Gerakan Islam memerlukan satu perubahan yang lebih bersistem di mana ia mampu menjadi sebagai satu saluran kepada masyarakat khususnya di dalam merialisasikan cara hidup Islam. Para pendokong jamaah perlu mengubah sikap dari berfikiran sempit kepada meluaskan jaringan dakwah kepada sesiapa sahaja anggota masyarakat.

Gambaran yang diberikan kepada gerakan Islam adalah dalam bentuk yang negatif. Musuh-musuh Islam berusaha untuk menyebarkan dakwah tentang gerakan ini yang dikatakan bersifat ekstrim dan ortodok. Menyedari hakikat ini seharusnya imej jamaah dan gerakan Islam seluruhnya berusaha menangkis dakwaan ini dalam bentuk praktikal yang boleh diterima oleh masyarakat.

Pendekatan yang sebaiknya mesti diberikan kepada masyarakat agar mereka dapat melibatkan diri bersamasama dengan jamaah Islam. Walaupun kesedaran Islam di kalangan masyarakat semakin terserlah tetapi dari segi ikatan bersama jamaah Islam masih belum dihayati sepenuhnya

Beberapa saranan yang dipetik dari akhbar Harakah¹ untuk dilaksanakan oleh muslimat .

- 1) Mendalami ilmu pengetahuan supaya dapat membezakan antara hak dan batil sambil melayakkan diri menyebarkan dakwah kepada masyarakat.
- 2) Berperanan sebagai ibu dan isteri yang solehah, taat kepada suami serta melaksanakan tanggungjawab kepada rumahtangga sehingga dapat mewujudkan kebahagiaan dan kedamaian.
- 3) Menggabungkan diri dalam jamaah Islam serta beriltizam dengan jamaah dan ketua (penimpin) mereka.
- 4) Menubuhkan lebih banyak pusat-pusat asuhan dan taman-taman didikan anak-anak bagi membentuk keperibadian muslim.
- 5) Menggalakkan dan menghalakan anak-anak untuk menerima didikan agama secara formal bagi melahirkan tenaga ulamak dalam semua bidang yang akan melaksanakan tugas pemimpin umat ke arah yang diredhai oleh Allah.

Penulis merasakan bahawa gerakan Islam khususnya di Negeri Sembilan mempunyai potensi untuk digerakkan walaupun memakan masa yang agak lama. Kejayaan yang akan dicapai memerlukan pengorbanan dan usaha yang bersungguh-sungguh dari semua pihak jika ingin melihat Islam tertegak di bumi ini.

Adat Perpatih sebenarnya bukanlah punca kenapa kaum wanita di daerah ini tidak menunjukkan satu perubahan ke arah menghayati Islam seluruhnya berbanding dengan wanita di Kelantan dan Trengganu khususnya kesedaran di dalam menggabungkan diri bersama gerakan Islam. Walaupun adat masih wujud di dalam beberapa keadaan, tetapi pencetus kepada suasana yang ada, wujud dari pengaruh persekitaran, media massa dan tuntutan kehidupan yang mengejar kepada kemewahan.

Beberapa cadangan yang penulis rasakan dapat meningkatkan prestasi gerak kerja jamaah Islam khususnya di daerah ini di dalam melahirkan satu bentuk kepimpinan yang boleh diterima oleh masyarakat umum antaranya :

- 1) Menyedari Negeri Sembilan terkenal dengan Adat Perpatih khususnya di dalam meninggikan imej wanita sewajarnya peluang ini diambil untuk menyedarkan kaum wanita akan martabat mereka. Kedudukan yang dijamin dan dipelihara oleh Islam sudah pasti lebih meyakinkan

sekiranya adat tersebut disuburkan bersama tuntutan Islam yang syumul dalam membentuk diri sebagai seorang wanita, isteri dan ibu yang solehah.

2) Menyampaikan mesej Islam secara dakwah adalah suatu yang amat dituntut. "Dakwah bil hal" adalah suatu pendekatan yang terbaik di mana hubungan para pendokong jamaah dapat berinteraksi dengan masyarakat umum dalam bentuk yang tidak ada prasangka tetapi penuh ukhuwah seperti menitik beratkan kebajikan ahli dan anggota masyarakat. Sentimen politik mungkin perlu dikendurkan kerana masalah kepartian masih belum dapat diterima oleh sebahagian masyarakat. Maksudnya di sini, penonjolan parti politik di pihak pembangkang mungkin dalam satu-satu keadaan tidak perlu disuburkan. Apa yang penting pengisian di sudut roh Islam itu perlu ditekankan khususnya perkara-perkara asas agama. Bentuk pendekatan begini memang diminati oleh kaum wanita khususnya di dalam memperbaiki amal ibadah mereka. Para pendokong jamaah (muslimat) tidak seharusnya mengenyepikan kaum wanita yang menjadi penyokong kerajaan tetapi perlu mendekatkan diri kepada mereka dalam bentuk usrah dan program tarbiah.

Peranan dari siswazah amat penting dan sumbangan tenaga dari mereka amat diperlukan kerana masyarakat masih beranggapan bahawa golongan ini adalah yang berpendidikan. Kepercayaan yang diberikan ini seharusnya

di ambil peluang oleh muslimat di pusat pengajian tinggi untuk menerangkan Islam dalam bentuk yang lebih luas lagi. Kebangkitan Islam di pusat-pusat pengajian tinggi telah melibatkan golongan mahasiswa cenderung kepada gerakan Islam. Oleh itu penerangan dari mereka memudahkan masyarakat menerima perkara yang dibawa atas dasar ilmu pengetahuan mereka itu.

3) Memandangkan kedaiifan gerakan Islam di daerah ini, sepatutnya jamaah-jamaah yang wujud perlu bersama-sama membangunkan Islam dalam bentuk kesatuan bukan mengasingkan diri antara satu sama lain. Berlainan fikiran dan pandangan bukanlah sesuatu yang dianggap menimbulkan pepecahan tetapi sikap menentingkan diri atas nama jamaah adalah unsur yang tidak baik. Sudah sewajarnya sikap berlapang dada menerima kelemahan diri dan kelebihan orang lain di samping sama-sama memperbaiki kelemahan yang ada diamalkan. Ini akan mengeratkan organisasi jamaah Islam itu. Kepentingan Islam perlu diutamakan bukan mencari kelemahan orang lain sebagai menutup kelemahan diri sendiri. Maka dengan itu, berlainan jamaah perlu disatukan dalam bentuk rundingan dan tindakan demi menyuburkan gerakan Islam di daerah ini.

4) Sumbangan dari penyokong gerakan dalam bentuk tenaga, wang, ilmu dan apa sahaja yang dirasakan perlu merupakan tunggak kepada kejayaan organisasi.

Tanpa bantuan dan keikhlasan perjuangan, gerakan akan menjadi beku. Pengorbanan dari ahli jamaah satu-satunya sumbangan yang amat berharga. Sikap mementingkan diri bersama kesenangan yang diperolehi tidak sevajarnya di tanam di setiap hati penyokong harakah. Begitu juga setiap penyokong jangan merasakan sumbangan mereka sudah terlalu banyak untuk jamaah sebaliknya perlu mempertingkatkan usaha sedaya upaya untuk menggerakkan diri dan orang lain menyumbangkan apa sahaja yang terampu untuk kejayaan harakah Islamiah.

3.5 Penutup

Gerakan Islam adalah revolusi massa, satu gerakan ummah semesta yang memerlukan pengorbanan untuk mencapai matlamat perjuangan. Kebangkitan Islam era kini memperlihatkan bahawa masyarakat memerlukan bimbingan dan petunjuk agama di dalam menghadapi mehnah kehidupan.

Penglibatan wanita untuk mengembalikan kegemilangan Islam bukan setakat berteori sahaja tetapi perlu menyertai institusi masyarakat yang tidak berlawanan dengan syariat dalam usaha untuk meletakkan mereka dalam saf yang sama mendukung gerakan Islam.

Kaum wanita tidak seharusnya merasa takut untuk turun ke dimensi perjuangan yang lebih luas, menyatakan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Penyertaan diri bersama jamaah Islam akan melahirkan hubungan yang padu antara anggota jamaah kerana ~~gerakan~~ Islamiah ditegakkan atas asas kesatuan akidah, kesatuan organisasi di samping kekuatan rohani yang memancar dari keimanan kepada Allah s.v.t.

Walaupun berbagai halangan yang dihadapi khususnya fenomena kelenyapan gerakan Islam di kawasan Selatan tanahair, namun atas kelemahan ini kesedaran sepatutnya terus dipertingkatkan. Adat Perpatih di Negeri Sembilan bukanlah sesuatu penghalang terbesar untuk menggerakkan Islam kepada anggota masyarakat tetapi apa yang baik darinya perlu diselaraskan dengan tuntutan agama.

Umat Islam sebenarnya telah memiliki piawaian tersendiri dalam menentukan keunggulan seseorang individu, masyarakat, bangsa dan ummah. Tuduhan dan cemuhan terhadap aktivis gerakan Islam sebagai golongan yang memundurkan bangsa perlu dikikis.

Perjuangan Islam bukanlah perjuangan yang hanya menggarapkan keunggulan amalan-amalan bersifat ukhrawi semata-mata. Tuntutan duniawi perlu dipenuhi dengan menaakmurkannya sesuai dengan tuntutan Islam itu sendiri.

Tenaga-tenaga muslimat terutama yang berpelajaran tinggi sangat diperlukan bagi meningkatkan lagi perjuangan yang sedia ada. Pengurusan masa amat penting bagi membentuk kerjaya seorang wanita yang mampu mengatur rumahtangga, melahirkan keluarga muslim seterusnya membina masyarakat dengan ajaran Islam.

Gerakan Islam memang menghadapi cabaran yang besar dan untuk menegakkan Islam perlu berhadapan dengan berbagai halangan dan sekatan. Jika dilihat perjuangan gerakan Islam di dunia seluruhnya, penindasan demi penindasan dilakukan terhadap pendokong dan aktivis gerakan Islam. Sevajarnya apa yang berlaku kepada orang lain perlu dijadikan panduan dan pengajaran demi mempertingkatkan azam untuk terus menyampaikan mesej Islam. Jika dibandingkan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat di negara ini adalah terlalu kecil. Segala peluang yang ada perlu dimanfaatkan agar kemenangan untuk Islam akan tercapai.

Usaha untuk menghidupkan Adat Perpatih sebagai nilai hidup yang murni akan memberi manfaat sekiranya pihak-pihak tertentu dapat menggariskan mana satu adat yang bertentangan dengan agama kerana pengetahuan tentang adat ini hanya digambarkan bersifat negatif sahaja. Generasi hari ini perlu mengetahui tentang adat tersebut agar dapat memperbaiki mana yang salah dan yang baik perlu dijadikan panduan.

Justeru itu perlunya penyediaan generasi wanita yang benar-benar faham terhadap Islam. Dari segi gerakan Islam adalah bertanggungjawab mencorakkan pemikiran masyarakat. Perkembangan mutakhir ini menunjukkan bahawa Islam mampu dilaksanakan sepenuhnya di dalam diri individu, keluarga dan negara tetapi usaha yang bersungguh-sungguh perlu ada pada semua pihak untuk melihat Islam itu dihayati dan ditadbir menurut ketentuan Allah s.w.t.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim .

Abd. Rahman bin Hj. Mohamad. Dasar-Dasar Adat Perpatih.
Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

Abu Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naisaburi
Sahih Muslim. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiah,
Juzuk 3, t. th.

A. K. Hida. t. PAS 1951-1991 Tercabar dan Mencabar.
Kuala Lumpur: G.G. Edar, 1986.

Azizah Kassim. Wanita dan Masyarakat. Utusan Publication
& Distributors Sdn. Bhd., 1985.

Fadhil Mohd. Nor. PAS dan Cabaran Kehidupan Moden. Kuala
Lumpur: Jab. Penerangan, Penyelidikan dan Dakwah
PAS Pusat, 1991.

Fathi Yakan. terj. Md. Akhir Yaacob. Golongan Yang
Tercicir di Sepanjang Jalan Dakwah. Kuala Lumpur:
Devan Pustaka Fajar, 1988.

Harun Taib. Berbilang-Bilang Jamaah, Sebab-Sebab dan
Beberapa Saranan Untuk Mengatasinya. Kuala Trengga-
nu: Pustaka Sinaran, t. th.

Husain bin Muhsin bin Ali Jabir. al-Tariq Ila Jama'ah
al-Muslimin. Kuwait: Dar al-Dawah, 1984.

Khamsiah Ahmad. Wanita Islam. Singapura: Pustaka Nasio-
nal Pte. Ltd., 1985.

Nik Safiah Karim. Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran.
K Publishing and Distributors Sdn. Bhd., 1982.

Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur:
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1990.

al-Qardawi Yusuf. terj. Mohd. Fakhrudin bin Abdul Mukti.
Di Manakah Kepinčangan Umat Islam Kini. Shah Alam:
Penerbitan Hizbi, 1990.

Raja Rohana Raja Mamat. Peranan Dan Status Wanita Mela-
yu di Malaysia Daripada Perspektif Sosial Dan Un-
danq-Undang. Kuala Lumpur: Devan Bahasa dan
Pustaka, 1991.

Teuku Iskandar, Dr. Kamus Devan. Kuala Lumpur: Devan
Bahasa dan Pustaka, 1989.

Temubual

Fatimah bt. Jali. Ketua Devan Muslimat PAS Negeri Sembil-
an pada 4hb. Disember 1991.

Hamidah bt. Joned. Penduduk Kg. Kuala Jempol pada 13hb.
Februari 1992.

Jeliah bt. Lihai. Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan
Kuala Jempol pada 4hb. Disember 1991

Johari bin Hj. Ahmad. Pegawai Belia Dan Sukan Daerah
Jempol pada 2hb. Februari 1992.

Mohd. Shaar bin Mansor. Dato Seri Amar Menteri, Luak
Jempol pada 8hb. Disember 1991.

Rosenadiah bt. Zainuddin. Setiausaha Muslimat PAS Negeri
Sembilan pada 4hb. Disember 1991.

Siti Mayang bt. Abd. Ghani. Setiausaha Muslimat PAS
Cawangan Setapak Jaya pada 26hb. Januari 1992.

Ujang bin Dohat. Orang Kaya Menteri Suku Biduanda pada
3hb. Disember 1991.

Majalah/Kertas Kerja/Akhbar

Hjh. Illani Bt. "Data Isahak, "Arah Perjuangan Wanita Era Kini". Kertas Kerja. Bangi: PMUKM Sesi 1990/1991 pada 3-4hb. Ogos 1991.

Yahya Othman. "Usrah Sebagai Tunjang Kepada Tarbiah. Gerakan Islam". Kertas Kerja. Kota Bharu: 6hb. September 1985.

Majalah IBU. Februari 1992.

Majalah MUSLIMAH. Julai 1991.

Majalah MUSLIMAH. September 1989.

Majalah MUSLIMAH. Disember 1989.

Majalah MUSLIMAH. Februari 1992.

Akhbar HARAKAH. 9hb. Mac 1992.